



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA**

**PERTANDINGAN DEBAT
PIALA KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2026**

**“120 Tahun Jabatan Audit Negara: Memacu Akauntabiliti, Membina Generasi
MADANI Berintegriti”**

UNTUK SIARAN SEGERA

KUALA LUMPUR, 15 Ogos 2026 – Pertandingan Debat Piala Ketua Audit Negara 2026 telah melabuhkan tirainya dengan penuh makna melalui Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Debat Piala Ketua Audit Negara (PKAN 2026) yang telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Dato’ Dr. Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

Dengan tema “120 Tahun Jabatan Audit Negara: Memacu Akauntabiliti, Membina Generasi MADANI Berintegriti”, penganjuran edisi sulung pertandingan ini telah berjaya menghimpunkan penyertaan sebanyak 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari seluruh Malaysia.

Saringan awal telah berlangsung selama dua hari pada 13 dan 14 Ogos 2026 di Akademi Audit Negara, Bandar Enstek Nilai. Pertandingan ini menyaksikan para peserta berentap dalam format Debat Ala Parlimen sebelum mara ke peringkat akhir yang diadakan di Bangunan Parlimen Malaysia pada 15 Ogos 2026.

Pemilihan Parlimen sebagai lokasi pusingan akhir mempunyai kaitan yang erat dengan peranan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam sistem semak dan imbang negara, memandangkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan dan

dibahaskan di Parlimen. Platform ini turut memberi ruang kepada generasi muda menghayati kepentingan akauntabiliti, tadbir urus dan pengurusan wang awam, di samping memahami peranan JAN dalam memastikan amanah rakyat dipelihara.

“Pertandingan ini bukan hanya gelanggang beradu kemahiran berhujah, tetapi merupakan ruang penting untuk membentuk generasi muda yang mampu mengurus perbezaan pandangan secara tertib, rasional dan saling menghormati. Demokrasi yang matang bukan hanya bergantung pada kekuatan hujah, tetapi juga pada cara menghormati perbezaan, berdebat dengan bertanggungjawab dan mematuhi aturan,” kata YB Tan Sri Dato’ Dr. Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Beliau berkata Malaysia memerlukan generasi muda yang bukan sahaja cemerlang dalam ilmu, malah berfikiran kritis, berani memimpin serta memahami proses pentadbiran dan demokrasi negara.

“Melihat kemampuan para pendebat berhujah, saya yakin ramai dalam kalangan mereka mempunyai potensi untuk menjadi pemimpin masa hadapan. Justeru, saya menggalakkan para pendebat dan mahasiswa untuk meneruskan penglibatan dalam proses demokrasi negara, termasuk dengan menyertai Program Parlimen Belia Malaysia 2026,” katanya.

YBhg. Dato’ Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara dalam ucapannya berkata, Jabatan Audit Negara (JAN) melaksanakan mandatnya sebagai institusi audit negara secara bebas, profesional dan berintegriti dalam memperkukuh akauntabiliti, ketelusan serta tadbir urus sektor awam.

Menurut beliau, hasil pengauditan diterjemahkan melalui Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang menjadi antara instrumen penting dalam mekanisme semak dan imbang negara. Ketegasan Ketua Audit Negara dalam memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan serta mengemukakan syor audit bukan sekadar bagi memenuhi keperluan pelaporan kepada Parlimen, tetapi lebih penting untuk mendorong tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang berkesan dalam pengurusan sektor awam.

“Melalui LKAN, kelemahan dan ketidakpatuhan dapat dikenal pasti, tindakan pembetulan dapat dilaksanakan serta sistem dan tatakelola dapat diperkukuh. Matlamat akhirnya adalah untuk memastikan wang awam diurus dan dibelanjakan secara berhemah, telus serta memberikan nilai dan manfaat yang sewajarnya kepada rakyat,” katanya.

Dalam Pusingan Akhir Pertandingan Debat Piala Ketua Audit Negara 2026, Pasukan Debat Universiti Putra Malaysia (UPM) berentap dengan Pasukan Debat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi membahaskan usul “Dewan Ini Percaya Bahawa Budaya Akauntabiliti Perlu Melengkapi Tindakan Punitif dalam Menangani Kegagalan Tadbir Urus.”

Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Debat Piala Ketua Audit Negara 2026, manakala Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) muncul sebagai Naib Johan. Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pula dinobatkan sebagai pemenang tempat ketiga bersama.

YBhg Dato’ Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi juga turut merakamkan penghargaan kepada semua hakim, peserta, pegawai pengiring dan urus setia serta semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam menjayakan penganjuran Debat Piala Ketua Audit Negara Tahun 2026 yang julung kali diadakan.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Ts. Dr. Hj Aminuddin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi; YBhg. Dato’ Wan Hashim Wan Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia; YBrs. Tuan Haji Mohd Salahuddin bin Dato’ Paduka Mohamed, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Dewan Bahasa dan Pustaka; YBhg. Prof. Dr. Mohd Izani bin Mohd, Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan barisan pengurusan kanan Jabatan Audit Negara.

**Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Audit Negara**

